



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN CERAMAH RUKUN NEGARA & PERPADUAN

MELAKA, 20 Feb - Arkib Negara Malaysia (ANM) telah mengadakan program Wacana Ilmu bertujuan memperingati Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956, di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK), Melaka hari ini yang dirasmikan oleh YB Datuk Muhammad Jailani bin Khamis, Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Melaka.

Wacana Ilmu yang berlangsung pada sebelah pagi melibatkan panel iaitu YBhg. Tan Sri Datuk Wira Prof. Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar, Pengurus Pemegang Amanah Warisan Negeri Melaka dan Ybrs. Dr. Azmi bin Ariffin, Pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM bersama moderator Ybrs. Prof. Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Program diskusi ilmu selama lebih dua jam tersebut memberi banyak informasi mengenai peranan dan sumbangan wira tak didendang serta kisah yang tidak pernah diceritakan semasa berlakunya Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Tanah Melayu.

Ruang bicara atau wadah interaksi pemikiran ilmiah serta perkongsian sebegini juga dilihat sebagai salah satu platform yang mampu mengupas aspek perjuangan, cabaran, perpaduan dan kesepakatan dalam memperolehi kemerdekaan negara kepada umum.

Selain itu, program Ceramah Rukun Negara & Perpaduan diadakan pada sebelah petang bagi menerangkan tujuan utama pembentukan Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13.

YBhg. PPj Bersekutu (PA) Datuk Prof. Dr.Hj Baharudin bin Hj Puteh, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Naib Canselor Universiti Melaka serta Ybrs. Prof. Madya Dr. Nazri bin Muslim, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan) Pusat Pengajian Citra, UKM selaku panel dan Ybrs. Dr. Azmi bin Ariffin, Pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM sebagai moderator.

YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia di dalam ucapan beliau menyatakan bahawa Arkib Negara Malaysia ingin terus mendekati masyarakat terutamanya generasi muda melalui program ilmiah yang dapat menyebarluaskan peristiwa bersejarah negara yang penting.

Selain itu, beliau turut berkata, "Pengisian kemerdekaan kita haruslah bertunjangkan Rukun Negara dan penerapan teras Kesopanan dan Kesusilaan dalam masyarakat yang sentiasa mengamalkan sifat toleransi akan dapat sama-sama membangunkan negara kita dengan cemerlang."

Seramai 80 jemputan yang meliputi ahli akademik, ahli persatuan Sejarah, pensyarah, guru-guru, penuntut IPT dan beberapa wakil agensi kerajaan serta ahli Komuniti Rukun Tetangga (KRT) telah menghadiri program ini.

Arkib Negara Malaysia

Tarikh : 20 Februari 2023
Emel : pro@arkib.gov.my
Rujukan : ARKIB.100-9/1/1/(67)